

Kekurangan fizikal tak halang gadis bergelar pelari pecut negara

Penuntut UPM tiada tangan kanan wakili kontinjen ke Sukan Para ASEAN di Thailand awal tahun depan

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Walaupun dilahirkan dengan kekurangan fizikal tanpa sebelah tangan, Nurul Ain Natasha Marzuki tidak menjadi kananya penghalang untuk berjelar atlet lari pecut dan bermian futsal.

Kelincahan gadis berusia 22 tahun ini berlari pantas di trek Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan di Panji, di sini, menarik perhatian ramai kerana mampu memecut walaupun tiada tangan kanan.

Penuntut Semester Enam Ijazah Sarjana Muda Kesusastraan Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor ini juga kini dalam persiapan untuk mewakili kontinjen olahraga negara ke Sukan Para ASEAN di Korat, Thailand, yang dijangka awal tahun hadapan.

Mula aktif sejak sekolah rendah
Katanya, kekurangan diri tidak pernah menghalangnya mencapai cita-cita sebagai atlet pecut yang mampu mengharumkan nama negara.

“Saya mula aktif dalam sukan olahraga sejak sekolah rendah dan berterusan sehingga sekolah menengah seterusnya universiti. Malah, saya mewakili UPM dalam sukan olahraga termasuk bersaing dengan peserta lain yang normal.

“Setiap kali cuti semester atau berpeluang pulang ke kampung, saya akan meluangkan masa berlatih dan berlari di Kompleks Belia dan Sukan Panji kerana di sinilah saya dilatih di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (JBSNK) sejak awal.

“Ramai yang sudah biasa melihat saya berlatih, namun ada masyaanya saya masih jadi perhatian pengunjung yang beriadah di sini, mungkin kerana fizikal saya tidak seperti mereka yang normal,” katanya ketika ditemui di kompleks berkenaan.

Nurul Ain juga atlet di bawah Persatuan Sukan dan Riadah Orang Kurang Upaya (PESRON) Kelantan dan melalui persatuan itu dia mula aktif dalam sukan futsal di posisi pertahanan.

“Saya biasanya menyertai pertandingan futsal membabitkan peserta istimewa dan kumpulan kami terdiri OKU fizikal serta intelektual. Biasanya saya akan dilantik menjadi kapten untuk mengatur strategi dan memberi arahan kepada rakan sepasukan.

“Malah, ada ketika saya terpaksa jadi penjaga gol. Alhamdulillah, masih mampu bermian dengan baik walaupun hanya ada satu tangan. Kekurangan ini tidak sesekali menghalang saya terus maju dalam sukan,” katanya yang memasang impian menjadi jurulatih olahraga profesional.



Nurul Ain dibantu jurulatih PESRON Kelantan, Mahmood Deraman ketika ditemui di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan di Panji, semalam.

(Foto Syaherah Mustafa/BH)